

# KERAJAAN TAK CADANG HAPUS

## KAD PERAKAM WAKTU - PM

KUALA LUMPUR 16 Nov.  
— Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu hari ini kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sistem kad perakam waktu sebaliknya hanya menjalankan kajian bagi mengatasi sebarang kelemahan yang wujud. "Kita nak kaji kalau ada orang yang tidak menggunakan kad itu atau ada orang yang cuba mencari jalan lain (untuk mengelak diri dari merakam waktu)," katanya. Menjawab soalan para wartawan selepas membuat lawatan ke Pusat

Penyelidikan Getah Malaysia di Sungai Buloh dekat sini hari ini Perdana Menteri berkata setakat yang beliau diberitahu sistem itu adalah berkesan. "Saya pun kena rakam waktu setiap hari," tambahnya. Diminta mengulas komen pihak-pihak tertentu bahawa ada orang yang cuba menyeleweng menggunakan sistem itu beliau meminta supaya aduan dibuat kepada kerajaan jika ada kakitangan awam yang cuba menipu dalam penggunaannya. Datuk Sri Dr. Mahathir

menegaskan kerajaan memerlukan maklumat mengenai penyelewengan dan penipuan yang berlaku dalam sistem tersebut bagi

membolehkannya mengambil tindakan memperbaiki sistem itu. Secara berseloroh beliau berkata kalau ada para pemberita yang nampak

menteri - menteri bermain golf semasa waktu pejabat mereka juga hendaklah memberitahunya dengan segera.

**LIHAT MUKA 6**

### TAK CADANG HAPUS KAD PERAKAM

Katonya "komen sahaja tidak guna, beritahu kita di mana berlaku penyelewengan." "Kalau tak mahu beritahu dengan jelas nama sendiri boleh tulis surat siapa yang menipu supaya kita boleh menyiasat."

Menjawab pertanyaan lain Datuk Sri Dr. Mahathir berkata semua menteri mematuhi sistem itu

depan baik. 7 NOV 1987  
"Kadang-kadang kalau ada kerosakan kereta mungkin mereka terlewat sikit," tambahnya. "Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberitahu bahawa kerajaan akan mengeluarkan kertas putih mengenai penahanan ISA sebaik sahaja polis selesai membuat kajian dan soalsiasat. Menurutny, antara lain

kertas putih itu mengandungi sebahagian dari hasil siasatan polis. Ditanya kenapakah kerajaan perlu mengeluarkan kertas putih pada hal beliau sendiri telahpun membuat penjelasan di Parlimen, Perdana Menteri berkata langkah tersebut diambil kerana kerajaan ingin menekankan beberapa perkara.